

23/09/2002

Bush terus cari helah, dakyah serang Iraq

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SEHINGGA hari ini, White House masih belum mendapat sokongan penuh daripada anggota Kongresnya untuk mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

Beberapa sesi mesyuarat yang diadakan bersama pelbagai peringkat jawatankuasa dalam Kongres diadakan bagi mendapat sokongan mereka, tetapi pentadbiran Presiden George W Bush ternyata belum dapat menjawab banyak persoalan yang ditimbulkan berkaitan isu itu.

Persoalan seperti bukti sejauh mana pembabitan regim Saddam Hussein dengan kumpulan al-Qaeda, sehingga Amerika mendakwa menjadi satu ancaman kepada keselamatan dunia, tidak dapat dijelaskan.

Alasan Amerika hanya berulang kali mengatakan bahawa Iraq, yang didakwa memiliki senjata nuklear yang dapat memusnahkan dunia, memberi ancaman kepada negara itu dan seluruh masyarakat antarabangsa.

Malah, White House juga tidak dapat membidas kenyataan yang mengatakan Amerika hanya memberi penumpuan kepada Iraq kerana minatnya untuk mengawal hasil minyak di Timur Tengah dan seterusnya menguasai politik dan ekonomi dunia.

Beberapa ahli Demokrat dan Republikan juga turut menyuarakan kebimbangan bahawa tindakan ketenteraan terhadap Iraq hanya akan menyemarakkan lagi perasaan anti-Amerika di kalangan negara Arab.

Biarpun pentadbiran Bush terus melobi untuk mendapat sokongan, baik di peringkat antarabangsa dan di dalam negara, beliau dilihat sebagai menggunakan pelbagai alasan dan dakyah, hanya untuk mencapai matlamatnya menyerang Iraq dan menghancurkan regim Saddam.

Ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini, Bush bercakap seolah-olah beliau mengambil berat terhadap rakyat Iraq, walaupun dia dan presiden Amerika yang lain sebelum ini, telah membunuh lebih sejuta rakyat Iraq yang tidak berdosa.

Di landasan PBB, Bush cuba untuk mendapat sokongan masyarakat antarabangsa dan pertubuhan itu, dengan menggesa pasukan pemeriksa senjata Majlis Keselamatan PBB untuk membuat pemeriksaan terhadap Iraq.

Bagaimanapun, beliau kini cuba mengalih perhatian kepada pembabitan Saddam dengan al-Qaeda, selepas Baghdad menyatakan kesediaan mereka untuk menerima semula pasukan pemeriksa senjata berkenaan.

Banyak anggota PBB yang tidak bersetuju dengan hasrat Amerika untuk mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq, dan Malaysia adalah antara negara yang lantang menyuarakan pendirian tegas terhadap isu itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membawa pendirian negara di perhimpunan berkenaan, dengan tegas meminta PBB supaya tidak menjadi 'pak turut' kepada hasrat Amerika.

Suara lantang bakal Perdana Menteri ini, ternyata mendapat sokongan penuh dari banyak negara lain terutama dari negara yang 'takut' untuk menyatakan pandangan mereka.

Malah, dua anggota Kongres Amerika yang ditemui wartawan Malaysia di Capitol Hill, menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai pengaruh yang berkuasa dalam isu antarabangsa, bukan saja kepada Amerika tetapi kepada semua negara di rantau Asia dan Eropah.

Kedua-dua anggota kongres itu berasaskan kepimpinan Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip kebenaran, dan ia menjadi perkara yang diminati serta dihormati Amerika.

Peter Sessions anggota Republikan, berkata prinsip yang dipegang

kepemimpinan Malaysia amat diperlukan dalam hubungan dua hala dengan Amerika, kerana hanya melalui prinsip itu ia dapat menyelesaikan segala perbezaan pandangan kedua-dua negara.

Bagi Gregory Meeks, anggota Demokrat pula, menganggap biarpun Malaysia mempunyai pendekatan dan pandangan berbeza dengan Amerika dalam beberapa isu tetapi kesediaan kedua-dua negara untuk bertemu dan berbincang dapat meningkatkan hubungan baik kedua-dua negara.

Biarpun Malaysia menyokong usaha kempen Amerika dalam memerangi keganasan dunia, tetapi Abdullah dengan jelas menyatakan bahawa masyarakat antarabangsa kini menanggung risiko untuk diheret sama ke dalam kancah peperangan yang boleh menimbulkan ketidakstabilan di dunia dan seterusnya menggagalkan usaha ke arah menangani isu keganasan.

Beliau berkata, membuat sasaran ke atas Iraq di luar rangka kerja PBB, adalah salah dan akan menimbulkan lebih suasana ganas di dunia.

Ketegasan Malaysia dalam isu ini juga disampaikan kepada Naib Presiden Amerika, Dick Cheney, dalam pertemuan Abdullah dengan Cheney di White House minggu lalu.

Malah dalam pertemuan itu, Abdullah juga menyatakan ketegasan Kuala Lumpur kepada Washington bahawa Malaysia tidak suka dicap sebagai sebuah negara penganas atau mempunyai hubungan dengan penganas.

Dalam lawatan kerja singkat ke Washington, Abdullah sempat berdialog dengan The Heritage Foundation Metropolitan Club, yang mana lebih 20 bekas pegawai tinggi kerajaan, ahli perniagaan dan bekas duta Amerika ke misi PBB, hadir.

Di sesi dialog itu, beliau melahirkan rasa bimbang Malaysia dengan masa depan imej Islam di mata masyarakat antarabangsa.

Abdullah berkata, hanya mereka yang tidak mempercayainya, sama ada daripada pihak ekstremis yang menggunakan ajaran Islam bagi memenuhi agenda politik mereka, turut menjadi satu ancaman juga kepada Malaysia.

Penampilan Timbalan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa, dianggap susulan kepada kelantangan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan pandangan mengenai ketidakadilan yang berlaku di pentas dunia.